



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

MPOB lancar buku tentang kemajuan R&D dalam tempoh 10 tahun

KUALA LUMPUR, 8 Nov 2023 – Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) hari ini melancarkan bukunya bertajuk *Advances in Oil Palm Research Second Edition* yang menampilkan usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) sawit yang komprehensif dan inovasi dalam industri sawit sepanjang 2011 sehingga 2020.

Buku ini mengandungi 27 bab yang merangkumi aspek huluan, pertengahan, hiliran dan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) dalam industri sawit.

Buku ini bertujuan untuk berkongsi inisiatif R&D yang dilaksanakan oleh MPOB dan mengetengahkan pengalaman industri. Sebagai penerbitan utama MPOB, buku ini menyediakan maklumat komprehensif mengenai industri sawit.

Advances in Oil Palm Research Second Edition dibahagikan kepada dua jilid berdasarkan bidang yang berbeza – bioteknologi, biologi, kejuruteraan dan pemprosesan, makanan dan pemakanan, oleokimia dan perdagangan, dengan pelbagai penemuan R&D, menonjolkan perjalanan luar biasa pembangunan sawit .

“Buku ini memberi gambaran menyeluruh tentang kemajuan penyelidikan dan pembangunan industri sawit di Malaysia dan seluruh dunia. Ia merupakan sumber rujukan berharga untuk para penyelidik, profesional dalam industri sawit dan komuniti perniagaan yang berminat untuk memahami sains asas dan aspek komersial yang mendasari komoditi pertanian ini.

Kami berharap maklumat dalam “*Advances in Oil Palm Research Second Edition*” akan menyumbang kepada matlamat industri yang menyeluruh untuk ekonomi dan pembangunan industri sawit yang pelbagai, nilai tambah, berdaya tahan di peringkat global dan mampan,” kata Ketua Pengarah MPOB Datuk Dr Ahmad Parveez Hj Ghulam Kadir.

-tamat